

Pendekatan mesra selesai isu tuntutan ke atas Sabah

BH 9 AUG 2004
KUALA LUMPUR, Rabu -
Filipina dan Malaysia ber-
setuju menggunakan pen-
dekatan mesra bagi me-
nyelesaikan isu tuntutan ke
atas Sabah.

Persetujuan itu dicapai
dalam perbincangan di
antara Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad dan Presiden
Filipina, Gloria Macapagal
Arroyo yang kini dalam
lawatan rasmi tiga hari ke
Malaysia.

Pada sidang akhbar hari
kedua lawatannya hari ini,
Arroyo berkata, isu itu
dibincangkan dalam per-
temuannya dengan Dr
Mahathir semalam.

"Kami bersetuju bahawa
kita perlu bergerak ke ha-
dapan dalam mencapai
satu persetujuan bersama
mengenainya dan Dr Ma-
hathir faham yang perkara
ini perlu dibuat secara
perlahan.

"Sehubungan itu, kita
perlu menubuhkan satu
panel yang dapat mengkaji
bagaimana isu ini dapat
ditangani secara mesra,"
katanya.

Ini adalah pertama kali
kedua-dua pemimpin negara

itu membincangkan isu tun-
tutan ke atas Sabah dalam
pertemuan empat mata.

Pemerhati menyifatkan
persetujuan kedua-dua
pemimpin itu sebagai per-
kembangan positif ke arah
mencapai penyelesaian
terhadap isu yang berla-
rutan sejak mendiang ayah
Arroyo, Presiden Diosdado
Macapagal, membangkit-
kan tuntutan itu.

Tuntutan Filipina ke atas
Sabah dibuat berasaskan
alasan Kesultanan Sulu
menyerahkan kedaulatan
wilayahnya kepada nega-
ra itu pada 1962.

Malah, Filipina menya-
takan keinginannya untuk
mendapat kebenaran men-
celah perbicaraan kes tun-
tutan Pulau Sipadan dan
Pulau Ligitan di Mahkamah
Keadilan Antarabangsa
(ICJ) yang membabitkan
Malaysia dan Indonesia
pada bulan lalu.

Arroyo berkata, beliau
akan mengarahkan Setia-
usaha Hal Ehwal Luarnya
untuk meneliti dan memu-
lakan usaha penubuhan
panel berkenaan.

Ditanya sama ada Filipi-
na akan menggugurkan
tuntutan itu, Arroyo ber-
kata: "Tidak, tidak... saya
tidak kata macam itu. Per-
kara ini akan mengambil
masa yang lama dan tidak
adil jika saya tidak berbinc-
cang dengan masyarakat
di Selatan (Filipina) dan
malah di utara. Yang pas-
ti, kita perlu lihat kepada
penyelesaiannya."

Arroyo berkata, Manila
akan masuk campur dalam
mana-mana prosiding an-
tarabangsa yang memba-
bitkan dua pulau itu.